

01 NOV 2003

Ghani-Abdullah

BN JOHOR PERKUKUHKAN PERPADUAN BUKTI SOKONGAN KEPADA ABDULLAH

BATU PAHAT, 1 Nov (Bernama) - Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman berkata Barisan Nasional (BN) Johor akan memperkukuhkan perpaduan yang sedia erat untuk memberikan sokongan yang bermakna terhadap kepimpinan Perdana Menteri kelima Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau berkata baik BN mahupun UMNO dan rakyat Johor seluruhnya berkeyakinan tinggi terhadap keupayaan Abdullah untuk memajukan pembangunan negara dengan lebih cemerlang.

"Bagi pihak rakyat Johor saya mengucapkan tahniah kepada Pak Lah (Abdullah) di atas pelantikan beliau yang pastinya akan menyaksikan Malaysia khususnya Johor melalui era kemajuan dan pembangunan yang lebih pesat," katanya dalam reaksi pertamanya mengenai peralihan kuasa pucuk pimpinan negara daripada Tun Dr Mahathir Mohamad kepada Abdullah semalam.

Bercakap kepada pemberita di sini hari ini selepas melancarkan promosi bazar Ramadan peringkat negeri di Batu Pahat Walk (BP Walk), Abdul Ghani berkata pengukuhan perpaduan itu diharap membolehkan BN Johor mengekalkan kemenangan 100 peratus kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri dalam pilihan raya umum akan datang.

Mengenai BP Walk yang dibina dengan kos RM4.5 juta, Abdul Ghani berkata ia akan menggiatkan lagi aktiviti pelancongan di bandar yang kedua terbesar di Johor ini.

Beliau berkata promosi bazar Ramadan yang dilancarkan hari ini melibatkan penyertaan lebih 6,000 gerai di seluruh negeri yang menawarkan bukan sahaja juadah berbuka puasa tetapi juga pakaian dan perhiasan untuk sambutan hari raya nanti.

Beliau gembira dan berterima kasih kepada TV3 kerana bekerja sama menjayakan promosi bazar Ramadan itu di sini, yang sekaligus turut memberi pendedahan melalui stesen televisyen itu mengenai pelbagai tarikan pelancongan, festival dan karnival yang berlangsung di Johor sempena kempen melawat Johor tahun 2003.

Turut hadir ialah Ketua Pegawai Eksekutif TV3 Datuk Farid Ridzuan, Exco Pelancongan Johor Datuk Dr Chua Soi Lek dan Pengurus Besar Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Johor Datuk Abdul Karim Hassan.

-- BERNAMA

MNY AY SR ROS